



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR,  
KAMPUS SEGAMAT**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ENCIK MOHD SYAFIE BIN ABD LATIFF,**

**PESARA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA**

**MENGENAI PERANG DUNIA KE – 2,**

**KEDATANG BRITISH DI SEGAMAT**

**&**

**SERANGAN KOMUNIS DI SEGAMAT**

**NAMA PELAJAR: NUR AZIEANA BINTI AZAHAR  
(2022923727)**

**NAMA PELAJAR: NUR AFIQAH BINTI NORLIZAM  
(2022981697)**

**SEMESTER MARCH 2023-OGOS 202**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR,  
KAMPUS SEGAMAT**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ENCIK MOHD SYAFIE BIN ABD LATIFF,**

**PESARA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA**

**MENGENAI PERANG DUNIA KE – 2,**

**KEDATANG BRITISH DI SEGAMAT**

**&**

**SERANGAN KOMUNIS DI SEGAMAT**

**NAMA PELAJAR: NUR AZIEANA BINTI AZAHAR  
(2022923727)**

**NAMA PELAJAR: NUR AFIQAH BINTI NORLIZAM  
(2022981697)**

**KOLEJ PENGKOMPUTERAN, MAKLUMAT DAN MATEMATIK  
SEMESTER MARCH 2023-OGOS 2023**

# KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b> .....	4
<b>KATA PENGHARGAAN</b> .....	5
<b>SENARAI AKRONIM / ABBREVIATIONS</b> .....	1
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	2
<b>1. PROFIL PENEMUDUGA</b> .....	1
<b>2. PROFIL PENGKISAH</b> .....	2
<b>3. PENGENALAN</b> .....	2
<b>4. KAJIAN LITERATUR</b> .....	3
4.1. Kajian berdasarkan sejarah lisan .....	3
4.2. Kajian berdasarkan Kedatangan British di Segamat dan Serangan Komunis di Segamat.....	4
<b>5. TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENGKISAH</b> .....	6
<b>SESI 1:</b> .....	7
<b>SESI 2:</b> .....	24
<b>6. LOG TEMUBUAL</b> .....	40
<b>SESI 1:</b> .....	41
<b>SESI 2:</b> .....	50
<b>7. INDEKS</b> .....	59
<b>8. RUJUKAN</b> .....	62
<b>9. LAMPIRAN</b> .....	64
<b>9.1. SURAT MAKLUMAN KEPADA PENGKISAH</b> .....	65
<b>9.2. SURAT PERJANJIAN</b> .....	66
<b>9.3. SOALAN TEMUBUAL</b> .....	67
<b>9.4. DIARI KAJIAN</b> .....	72
<b>9.5. GAMBAR</b> .....	73

## **ABSTRAK**

*Kedatangan Penasihat Am British ke negeri Johor pada 1914 telah memberi pelbagai kebaikan seperti pembangunan yang pesat serta kualiti pendidikan dapat dipertingkatkan. Namun kemasukan mereka juga menyebabkan kedaulatan negeri tercemar. Pertanian, perniagaan dan perlombongan merupakan status ekonomi semasa kemasukan Inggeris di daerah ini. Battle of Muar atau pertempuran Muar pula merupakan salah satu peristiwa di mana tentera Berikat dan tentera Jepun bertempur bagi merebut Tanah Melayu, sebuah jambatan atau lebih dikenali jambatan putus Buloh Kasap telah diletupkan bagi menghalang kemaraan tentera dari negara matahari terbit itu. Malangnya disebabkan kelemahan dalam strategi peperangan dan kelengkapan perang, British mengundurkan diri.*

*Selain dari keberadaan British di daerah ini, sejarah serangan komunis juga merupakan salah satu peristiwa penting yang banyak memberi pengajaran. Parti Komunis Malaya ditubuhkan di Bahau pada tahun 1930 oleh Parti Komunis Nanyang atau Cina Selatan dan mula menunjukkan taring di Tanah Melayu semasa tahun-tahun terakhir pendudukan Jepun iaitu tahun 1945. Parti Komunis mempunyai ideologi mereka tersendiri dan terkenal dengan perilaku ganas seperti memeras ugut dan merampas hak orang lain. Permulaan serangan Komunis di Johor ialah di Batu Pahat dan kekerasan diamlakan bagi menakut-nakutkan orang tempatan. Malah, ramai telah terbunuh dan rorang tempatan juga telah bersatu padu dalam memerangi pendudukan parti ini.*

## KATA PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya dapat kami menyempurnakan tugas bagi kod subjek IMR 604 (Oral Documentation) ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Azura Binti Abdul Jalil@Kamarudzzaman, selaku Pensyarah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripada beliau telah membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang telah memberi kami sokongan dan dorongan untuk menyiapkan tugas ini. Mereka telah memberikan segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga kami selesai menghabiskan tugas ini.

Akhir sekali, Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan dan bantuan dalam memastikan tugas ini dapat disiapkan dengan sempurna.

## SENARAI AKRONIM / ABBREVIATIONS

SINGKATAN	MAKSUD
MSA	Encik Mohd. Syafie Bin Abd Latiff
NAA	Nur Azieana Binti Azahar
NAN	Nur Afiqah Binti Norlizam
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
GES	Government English School
HMS	His Majesty's Ship
RAF	Royal Air Force
RAAF	Royal Australian Air Force
RNZAF	Royal New Zealand Air Force
KNIL	Royal Netherlands East Indies Army (Koninklijk Nederlands Indisch Leger)
MPAJA	Malayan People Anti-Japanese Army
PKM	Parti Komunis Malaya

## SENARAI SINGKATAN

apa	Apakah
betulke	Betul kah
diorang	Mereka
dah	Sudah
dulu	Dahulu
je	Sahaja
ke	Kah
ketau	Ketahui
macam	Seperti
ni	Ini
nak	Mahu
oang	Orang
padahal	Sedangkan
patut	Sepatutnya/perlu
pun	Juga
pikir	Fikir
saje	Sahaja
tau	Tahu
takleh	Tidak boleh
Tak kan	Tidak akan
takpelah	Tidak mengapa
takde	Tiada
tu	Itu
yelah	lalah/pasti

**PERANG DUNIA KE – 2:**  
**KEDATANGAN BRITISH DI SEGAMAT**  
**&**  
**SERANGAN KOMUNIS DI SEGAMAT**

*Nur Azieana Binti Azahar & Nur Afiqah Binti Norlizam*



## 1. PROFIL PENEMUDUGA



Nama	Nur Azieana Binti Azahar
Tarikh Lahir	13 Oktober 2001
Tempat Lahir	Kg, Pok, Gelang Patah, Johor Bahru, Johor
Alamat	No2, Lorong Rajimah off Kampung Tasek, Gemereh, 85000, Segamat
E-mel	nurazieanaazahar@gmail.com
Program	IM246 - Ijazah Pengurusan Rekod
Institusi Pendidikan	UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat



Nama	Nur Afiqah Binti Norlizam
Tarikh Lahir	4 Oktober 2001
Tempat Lahir	Hospital Umum Sarawak
Alamat	3420, Jalan Cemara 9, Bandar Putra, 81000 Kulai, Johor
E-mel	nurafiqahnorlizam@gmail.com
Program	IM246 - Ijazah Pengurusan Rekod
Institusi Pendidikan	UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat

## 2. PROFIL PENKISAH



Nama	Mohd Syafie Bin Abd Latiff
Umur	46 (1977)
Tempat Lahir	Buloh Kasap, Segamat, Johor
Alamat	Buloh Kasap, Segamat, Johor
Pekerjaan	Pembantu Penyediaan Makanan Gred-19
Tempat Bekerja	Kem Rejimen ke-4 Artileri Di Raja
Maklumat Persaraan	Tentera Udara Diraja Malaysia
Tempoh Berkhidmat	22 Tahun 6 Bulan

## 3. PENGENALAN

Sejarah Lisan ialah kaedah menjana dan memelihara pengetahuan secara langsung yang menarik dari segi sejarah, sering dikenali sebagai bahan sumber primer. Maklumat ini diperolehi daripada pengalaman peribadi individu dan kemudiannya direkodkan dalam temu bual yang telah diatur terlebih dahulu. Temu bual dilakukan dengan cara ini supaya suara, ingatan, dan sudut pandangan tokoh sejarah dapat dipelihara. Ia juga merupakan alat yang boleh digunakan oleh mana-mana daripada kita untuk melibatkan diri dan belajar daripada ahli keluarga dan rakan kita, serta individu yang kita berkongsi ruang, dengan menjalankan temu bual dengan mereka yang merekodkan sejarah dan perspektif mereka sendiri menggunakan perkataan mereka sendiri. Penyampaian maklumat keluarga atau suku kaum yang dianggap penting dari satu generasi ke generasi seterusnya merupakan asal usul tradisi sejarah lisan.

Segamat merupakan sebuah daerah paling tua di negeri Johor yang kaya dengan sejarah silamnya lalu ianya digelar "Daerah Lagenda". Terdapat juga kisah-kisah yang timbul dan diperkatakan menjadi punca terciptanya perkataan "Segar Amat" lalu

menjadi “Segamat” iaitu daripada peristiwa Bendahara Tepuk. Sekitar abad ke-18, Segamat juga disebut sebagai “Rantau Panjang”. Ini ada kaitannya dengan keadaan muka bumi sekitar kawasan sungai Segamat pada masa itu, menurut seorang ahli sejarah tempatan. Kemudian, kedatangan British dan serangan Komunis di Segamat pada Perang Dunia Kedua juga menjadikan Segamat sebagai salah satu peristiwa yang membuka mata banyak orang akan sejarahnya. Kedatangan British ke Segamat serta Komunis menjadikan Segamat sebagai salah satu daerah yang menyimpan 1001 kisah tentangnya dan dengan adanya Sejarah Lisan, dapatlah lagi merungkai segala maklumat yang lebih tepat dan padat tentang sejarah ini.

## **4. KAJIAN LITERATUR**

### **4.1. Kajian berdasarkan sejarah lisan**

Penyelidikan berasaskan Sejarah Lisan merupakan salah satu kajian yang sering dilakukan oleh ahli akademik, mahasiswa dan para pengkaji. Kajian-kajian lepas juga banyak membuktikan tentang kepentingan-kepentingan kajian berasaskan sejarah lisan dan sumbangan terhadap pelbagai aspek seperti aspek kemasyarakatan, lokaliti, bangsa dan negara.

Menurut Siti Roudhah Mohamad Saad, et al. (2012), sejarah lisan merupakan salah satu metodologi kajian yang mampu merakam dan menyimpan informasi berkaitan masa lampau walaupun ia merupakan perkara yang telah berlalu. Malah, sejarah lisan juga dianggap sumber primer dan mempunyai kekuatan yang tersendiri dan dianggap penting untuk membina semula peristiwa-peristiwa lampau.

Perang Dunia Kedua menjadi batu loncatan bagi para Sejarawan untuk memperkasakan lagi penggunaan kaedah memandangkan perang menyebabkan banyak rekod-rekod bertulis, gambar dan artifak musnah. Gerakan anti-kolonial pula wujud semasa era pasca-perang dan menyebabkan rekod semakin berkurang dan jurang antara rekod yang dihasilkan para penjajah dan pemimpin tempatan amatlah besar. Maka, sejarah lisan menjadi metod utama dalam merapatkan jurang perbezaan fahaman sejarah (Gopal, Musa dan Shanmugavelu, 2021).

Menurut Omar and Al (2012), sejarah lisan merupakan alternatif terbaik bagi membantu kepada pembinaan semula pemahaman terhadap peristiwa sejarah dengan lebih baik dan lebih kukuh. Kaedah pengkajiaan secara lisan dan bertulis

mampu membuktikansuatu fakta itu benar atau tidak. Saksi mata dan telinga menyebabkan suatu kajian itu lebih seimbang tidak berat sebelah jika perbandingan dilakukan dengan rekod bertulis.

Akibat daripada perkembangan projek sejarah lisan, ramai para sejarawan dan para penyelidik mula sedar bahawa tidak semua rekod bertulis dan gambar mampu memberi kefahaman sejarah yang lengkap. Malah, sesetengah sejarawan juga beranggapan individu yang mempunyai ingatan atau memori yang berkaitan dengan sejarah perlu direkodkan supaya ianya tidak hilang memandangkan ingatan dan hayat seseorang itu tidak kekal (Nadzan Haron, 1979 ).

#### **4.2. Kajian berdasarkan Kedatangan British di Segamat dan Serangan Komunis di Segamat.**

Kajian-kajian lepas banyak merekodkan peristiwa-peristiwa bersejarah di Segamat seperti pembangunan Segamat, peperangan, penceritaan tragedi dan banyak lagi. Penyelidikan yang dijalankan pada kali ini pula bertujuan untuk merungkai cerita-cerita berkaitan dengan keberadaan atau kedatangan British dan kisah-kisah Komunis di Segamat dengan lebih mendalam seperti status semasa, alatan perang, tokoh yang terlibat dan banyak lagi.

Segamat bermula daripada beberapa buah kampung yang berada di tebing Sungai Segamat. Segamat mula mencapai kemajuan dengan pembinaan stesen kereta api dan wujudnya ladang-ladang getah. Pada tahun 1917, beberapa pejabat kerajaan telah dibina antaranya Pejabat Tanah, Pejabat Polis, Pejabat Kastam, Pejabat Syahbandar, Pejabat Pos dan banyak lagi. Segamat juga dikenali sebagai sebuah daerah Pertanian (M.A, dan Fawzi Mohd. Basri, 1972).

14 Januari 1942 adalah merupakan tarikh keramat dimana bermulanya pertempuran paling besar dan terakhir Perang Dunia Kedua di negara ini yang dikenali sebagai Battle of Muar. Pertempuran itu bermula di daerah ini apabila tentera Berikat diketuai British, cuba mengekang kemaraan tentera Jepun dalam kempen menawan Malaya daripada terus mengasak hingga ke Singapura. Namun, terdapat ramai yang korban didalam pertempuran ini akibat kekurangan kelengkapan dan komunikasi yang lemah ketika itu yang menyebabkan mereka tidak mampu mengekang serangan Jepun yang nekad membalas dendam susulan serangan hendap tentera British terhadap mereka

di Jambatan Gemencheh, Gemas, Negeri Sembilan pada 11 Januari 1942 (Zakaria , 2016).

Sejarah tentang Jambatan Putus Buloh Kasap yang menyimpan sejarah Segamat juga merupakan sebuah ikon yang terkenal di Segamat. Menurut Ahmad Kutik (2016) Jambatan Putus Buloh Kasap ini menggunakan lampu minyak tanah bagi menerangi sepanjang laluanjambatan itu pada waktu malam. Walaubagaimanapun, beliau juga berkata bahawa jambatan tersebut diletupkan bermula pada tempoh awal Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu oleh tentera British bagi mengekang dan melengahkan kemaraan tentera Jepun ke bahagian selatan, khususnya daripada menawan Singapura.

Menurut Haniffa dan Mohamad (2017), Komunis menyebabkan kepercayaan orang melayu terhadap kaum Cina semakin merosot akibat daripada gerakan komunis yang memulakan kekecohan berkaitan aktiviti ibadah golongan muslim di surau dan masjid. Konflik perkauman Melayu-Cina ini telah merebak ke Johor pada tahun 1945 dan menyebabkan hubungan antara kaum Cina dan Melayu semakin renggang di Segamat dan menjurus kepada beberapa pergaduhan akibat daripada dua orang Cina dibunuh di Mukim Sri Menanti.

## **5. TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENGKISAH**

**SESI 1:  
KEDATANGAN BRITISH DI SEGAMAT**

## **Sesi 1: Kedatangan British di Segamat**

**NAA: Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai Perang Dunia ke Dua Kedatangan British di Segamat. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Syafie Bin Abd Latiff yang merupakan seorang pesara Tentera Udara Diraja Malaysia [TUDM]. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 Jun 2023, bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di Buloh Kasap, Segamat, Johor. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Azieana Binti Azahar. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan. Boleh encik Syafie perkenalkan nama, umur, tempat lahir dan pekerjaan encik secara ringkas.**

MSA: Bismillah hirrahmannirahhim waalikumussalam warahmatullahi wabarakatuh (bunyi motosikal). Saya nama saya Mohd Syafie Bin Abd latiff, berusia empat puluh enam tahun, dilahirkan di Segamat, Johor (sambil menyelak kertas) dan bekerja sebagai seorang tukang masak di Kem Rejimen ke empat Artileri Diraja dalam jawatan kerajaan dipanggil Pembantu Penyediaan Makanan (bunyi burung berkicau) Gred sembilan belas. Saya tukang masak, saya jugak [juga] adalah seorang pesara Tentera Udara Diraja Malaysia [TUDM] dan saya telah berkhidmat dalam tentera udara [TUDM] selama dua puluh dua tahun enam bulan. Saya tamat berkhidmat pada bulan 8 2019 [Ogos 2019].

**NAA: OK [okey] baiklah. Boleh saya tau [tahu] adakah encik Syafie merupakan anak jati Segamat [Johor] dan berapa lama dah [sudah] menetap di Segamat [Johor]?**

MSA: Saya memang seorang anak jati Segamat [Johor] (bunyi burung berkicau) dan saya sudah menetap di Segamat [Johor] ni [ini] sejak kecil lagi lah. Kiranya kalau saya nak \_ [hendak] saya nak claim [dakwa] nak dakwa saya anak jati Segamat [Johor] saya dikatakan dari generasi ke-enam. Apa yang saya ketau [tahu] saya generasi ke-enam yang memula [mula-mula] sekali moyang saya yang generasi pertama tu [itu] membuka Kampung Tenang bersama-sama dengan Tok Tenang (bunyi lori) atau dikenali sebagai Syed Kamarul Ariffin bin Syed Allaudin dari Pagar Ruyung Sumatera [Indonesia]. Dianggarkan dia [Syed Kamarul Ariffin bin Syed Allaudin] buka Tenang tu [Kampung Tenang] pada tahun 1797. Jadi, moyang saya tu [itu] adalah pengikut Tok Tenang ni



[ini] jadi saya adalah generasi ke-enam dan saya adalah-- lineage [keturunan] yang ada pada saya sekarang mungkin generasi ke-sepuluh mana [di mana] saya adalah generasi yang tua dalam ni. Mana [di mana] saya dah [sudah] kira ada cicit. Begitulah dalam apa dalam salah silah apa kita panggil salah silah geneokologi [geneology] (sambil berkerut) apa ke [apakah] nama \_ saya pun lupalah, macam tu [itu] lah. Saya menetap di Segamat sejak saya kecil dan yelah [memang] dalam \_ kalau ikutkan empat puluh enam tahun dah tapi masa umur saya dua puluh tahun saya sudah keluar merantau dua puluh dua-- (berkerut) dua puluh tahun selama dua puluh dua tahun saya merantau di luar negeri Johor dan luar daerah Segamat (bunyi motosikal). Jadi pada tahun 2019 (bunyi lori) saya balik ke sini [Segamat].

**NAA: Baiklah, Ok [okey] soalan terakhir untuk latar belakang responden, Ok [okey] boleh saya tau [tahu] sudah berapa lama encik Syafie menjadi ahli Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat dan apakah konteks atau bidang sejarah yang encik Syafie minat? (bunyi kertas diselak).**

MSA: Semenjak saya bersara saya menyertai Persatuan Sejarah Segamat [Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat] iaitu tahun 2019 sekarang masuk tahun ke-empat lah. \_ saya punya bidang sejarah saya \_ saya lebih cenderung atau saya minat adalah sejarah ketenteraan (bunyi kertas diselak) di mana saya punya pengkhususan saya dalam sejarah Perang Dunia ke-dua terutamanya Perang Dunia ke-dua, antarabangsa dan tempatan.

**NAA: Baiklah, seterusnya kita akan beralih ke soalan-soalan yang berkaitan dengan sejarah Kedatangan British di Segamat. Soalan pertama, boleh encik beritahu, pada tahun berapakah British mula memasuki Segamat dan apakah suasana atau keadaan semasa kedatangan British di Segamat.**

MSA: Saya nak cerita kedatangan British di Segamat ni secara kekerasan tidak, tapi kita cerita secara umum iaitu seluruh negeri Johor. Secara rasmi (bunyi burung berkicau) British atau Inggeris mula memasuki Segamat setepatnya apabila kerajaan negeri Johor menerima penasihat am Inggeris pada 11 Mei 1914

melalui satu perjanjian yang ditanda tangani pada tarikh tersebut [11 Mei 1914] (bunyi lori). Perjanjian ni [ini] telah menyebabkan Inggeris [British] boleh campur tangan dalam urusan pentadbiran dan hal ehwal politik dalaman negeri Johor. Jadi status penasihat wakil apa Inggeris ni, dia bukan setakat penasihat, dia boleh (bunyi burung berkicau) kita kira macam mana [bagaimana], dah nak sama level [tingkat] kuasa dengan sultan tu [itu] (tersenyum). Jadi sultan yang terpaksa dengar nasihat dia tu [penasihat Inggeris] mana [di mana] sultan kena ikut.

**NAA: Jadi, kita beralih ke soalan seterusnya. Bagaimanakah penerimaan orang tempatan ketika British [British] British memerintah?**

MSA: (diam seketika) Ketika Inggeris (bunyi lori) -- sejak 1914 lah ketika Inggeris berjaya menjadi meletakkan penasihat am Inggeris dia, masyarakat tempatan Segamat mungkin tidak terasa lah sebab pentadbiran kerajaan masih dalam kerajaan negeri Johor lagi dan masyarakat pun tidak terasa kesan yang drastik atau mendadak apa mengenai apa campur tangan Inggeris (bunyi angin) dalam kerajaan negeri sebab kaedah pengurusan dan pentadbiran negeri Johor umumnya memang mengikut model pentadbiran Inggeris semenjak era Maharaja Abu Bakar [Sultan Abu Bakar Al-Khalil Ibrahim Shah Ibni Al-Marhum Dato' Temenggong Seri Maharaja Tun Daeng Ibrahim]. Saya tak ingat kira mungkin tahun dalam tahun 18--1866 \_ bila Maharaja Abu Bakar membuka bandar jubor [Johor Bahru] apa bandar Tanjung Puteri [Johor Bahru] yang sekarang (bunyi burung berkicau) dikenali sebagai bandar Johor Bahru.

**NAA: Boleh kita pindah ke soalan lain? (meminta persetujuan). Ok [okey], apakah kaedah pemerintahan yang diamalkan dan macam mana [bagaimana] British menyebarkan kefahaman mereka kepada orang tempatan.**

MSA: (bunyi kertas diselak) (bunyi lori) Ok [okey] kaedah pemerintahan yang diamalkan (bunyi lori) pun tidak berubah. Seperti saya kata\_ Johor memang sudah mengadaptasi kan sistem pentadbiran dan pengurusan mengikut model Inggeris. Jadi ia cuma ada penambahbaikan daripada

pentadbiran terdahulu. Contohnya macam pengurusan kewangan--, pengurusan kepolisian (bunyi angin) dan ketenteraan, percukaian semuanya telah-- British Inggeris masuk campur jadi kita tidak nampak ke-ter keteraan [ketaraan] pada masyarakat tapi keteraan [ketaraan] pada jabatan kerajaan tapi (bunyi burung berkicau) selepas 1914 tu [itu] nampak pembangunan negeri Johor semakin apa pembangunan-nya semakin rancak lah sebab terdapat pembinaan apa pembinaan jalan raya, jambatan yang baru, bangunan-bangunan kerajaan yang baru (bunyi burung berkicau).

**NAA: Baiklah, boleh saya tau [tahu] adakah tentera British menyekat orang tempatan dari menggunakan media massa?**

MSA: British, Inggeris lah Inggeris tidak menggunakan kuasa tenteranya (sambil menyelak kertas) dalam negeri Johor dan memang-- tidak pernah. Tapi melalui -- sebagai mana yang saya telah bagitahu [beritahu] British Inggeris juga masuk campur dalam urusan hal ehwal pentadbiran dan hal ehwal politik. Jadi mengenai media massa ni (bunyi motorsikal) yang ada pada masa tu [itu] awal-awalnya ialah pada awal 1914 hingaa 1930 adalah surat khabar. Jadi Inggeris amat pada masa\_ amat memperhatikan dan memantau mana-mana propaganda yang berunsur komunism [fahaman komunis], fasisma [fahaman fasis] termasuk propaganda yang pro [menyokong] kepada Uthmaniah [fahaman agama Islam] yang kita kata kaum muda pan-islamisma [pan-islamism] semua tu British amat perhatikan benda ni dan cuba sedaya upaya menghalang apa \_ penyebaran politik tersebut dan ada yang kalau dalam sejarah Malaysia beberapa tokoh ini ditahan ah [lah] sebab dikatakan menyebar -- fahaman pan-islamisa [pan-islamism] lah. Inggeris memang takut sebab masih ada lagi rakyat Melayu yang rakyat Tanah Melayu [kini Malaysia] terutamanya orang Islam menyokong apa kerajaan Uthmaniah. Yang kita ketahui kerajaan Uthmaniah akhirnya tumbang [berkahir] pada tahun 1926 (*sic*, 1924) tak [tidak] silap saya lah. Jadi masa tu [itu] pengaruh Uthmaniah amat kuat, Perang Dunia pertama (bunyi angin) pun yang berlaku pada tempoh 1914 hingga 1918 juga dimana British kita panggil apa (berfikir sejenak) British, Amerika, Itali adalah pihak yang melawan dengan pihak yang dikenali dengan Etente ni [The Triple Etente] iaitu German, Turki dengan Austria di mana pihak ni [ini] adalah lawan daripada pihak British. Jadi Uthmaniah ni [ini] kita tau [tahu]

memanglah adalah satu empayar Islam yang besar dan kuat serta yang paling moden. Jadi dia [empayar Uthmaniah] mempengaruhi apa orang-orang Islam seluruh dunia dengan menyebarkan propaganda jugak [juga] dengan atas nama Islam (bunyi orang bercakap) untuk menyokong mereka kan, padahal [sebaliknya] mereka itu juga pun satu empayar yang cuba menguasai negara yang lain jugak.

**NAA: Baiklah, kita berpindah kepada soalan keadaan ekonomi dan sosial masyarakat semasa pemerintahan British. Boleh encik Syafie beritahu kami apakah sumber pendapatan utama orang tempatan dan adakah orang tempatan bekerja (bunyi kertas diselak) dan mendapatkan upah dari pemerintahan British pada ketika itu?**

MSA: (berfikir sejenak) (menyelak kertas) Secara amnya, Tanah Melayu [Malaysia] pada waktu itu – (bunyi anjing menyalak) bergantung pada pertanian dan perlombongan. Negeri Johor pada waktu itu (bunyi lori) \_ asalnya lebih mengutamakan pertanian gambir, lada hitam dan nenas. Kemudian bila masuk tahun 1900 (bunyi motosikal) tanaman \_ tanaman getah dan sawit telah masuk secara besar-besaran dan -- (bunyi angin) dibuka pada pengusaha-pengusaha ladang terbesar ataupun orang-orang kampung yang ingin apa membuka kebun getah sendiri. Pendapatan orang kampung daripada getah \_ pada masa itu getah amat—tinggi pendapatan dia. Jadi orang kata teramat mewah lah dengan pendapatan getah ni [ini] sehinggakan ada orang kata boleh bakar duit kertas tu [itu] bakar duit kertas untuk nyala api semua kan rupanya oang [orang]-- \_ tempatan punya berlagak lah masa tu sebab terlalu mewah, ceghita (cerita) orang lah kan [pengkisah menyatakan bahawa ketika tanaman getah sudah memasuki Tanah Melayu pada ketika itu, orang tempatan telah mengaut keuntungan yang besar sehinggakan duit kertas dijadikan bahan bakar]. Jadi selain daripada lada \_ apa lada gambir, lada hitam, gambir, getah, sawit ni [ini] sawah padi pun juga telah dibuka secara besar-besaran sebagai asas sebagai - bekalan makanan dalam negeri (sambal menyelak kertas) perlombongan juga yang ada dalam negeri Johor pun banyak dibuka kan seperti kalau dalam daerah Segamat ni terdapat perlombongan (terdiam seketika) kuprum tapi tidak perlombongan tu [itu] tidak terlalu besar jadi dia mengambil jangka masa yang singkat. Di Bukit Kepong [Muar] itu-- di luar daerah Segamat. Di \_\_\_ ada

satu perusahaan apa perlombongan jugak [juga] yang dibuka oleh syarikat Jepun di sana pada tahun 1920-an. Itupun, perlombongan itu tidak lama lah sebab hasil yang tidak banyaklah. Tak [tidak] silap saya dalam perlombongan tu [itu] ambil masa dalam sepuluh tahun. Jadi secara khususnya, di daerah Segamat ni [ini] (menyelak kertas) (berfikir) apa tadi [meminta penerangan penemubual]?

**NAA: Macam (bagaimana) (bunyi pengkisah tertawa) adakah orang tempatan—**

MSA: \_ pendapatan (bersetuju) pendapatan utama kan?

**NAA: Ya (bersetuju).**

MSA: Secara khususnya kat Segamat ni adalah asas tani.

**NAA: Ok [okey] \_ bagaimana pula dengan sesi persekolahan ketika \_ pemerintahan British dan ada ke [adakah] kemudahan atau teknologi yang diperkenalkan British pada waktu itu (bunyi lori)?**

MSA: Sesi persekolahan semasa kemasukan Inggeris [British] telah ditambah baik an [kan] sebelum tu Johor memang sudah ada sistem persekolahan sendiri iaitu sekolah agama dan sekolah Melayu iaitu mengajar membaca menulis-- yang asas. Apabila Inggeris [British] masuk Johor tahun 1914 tu [itu] pada tahun 1926 Inggeris telah membuka satu sekolah Inggeris dan di Segamat yang dikenali sebagai GES atau Government English School. Sekolah itu terletak di Bukit Hampar [Segamat, Johor] yang kita ketahui atau yang kita panggil Rock Garden [Taman Batu Hampar, Segamat] lah itu Bukit Hampar. Itu antara sekolah Inggeris yang tertua di Segamat [sekarang dikenali sebagai Sekolah Tinggi Segamat]. Tujuannya untuk meningkatkan apa ni meningkatkan akademik anak tempatan an [kan] tak kira anak Melayu, Cina dan India situ [di situ] mana-mana yang lulus sekolah Inggeris dalam pencapaian \_\_ akan dihantar ke \_ apa ke England sana lah untuk melanjutkan pelajaran sama ada

mendapat biasiswa dari kerajaan negeri atau biasiswa dari kerajaan negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tambahan lagi (bunyi motosikal) untuk sekolah yang berasaskan Inggeris sekolah Convent iaitu Sekolah Menengah Convent dan Sekolah Canossian Convent tapi Sekolah Menengah Convent dan Canossian Convent ni [ini] dibuka lewat hampir dengan—waktu kemerdekaan kita iaitu tak [tidak] silap saya pada tahun 1956 jadi lewat jadi itu sekolah jenis sekolah mubaligh atau sekolah missionary [Sekolah Mission atau sekolah mubaligh Kristian] itulah.

**NAA: Baiklah, soalan terakhir untuk konteks ini, adakah masyarakat di Segamat dipecahkan mengikut perkejaan tertentu dan betulke [benar kah] (bunyi motorsikal) konsep pertanian ladang diperkenalkan ketikan penjahan British di Segamat?**

MSA: (terdiam seketika) (bunyi kertas diselak) itu dasar Inggeris seperti pecah dan perintah di mana kita boleh lihat sampai sekarang (bunyi kertas diselak) dimana orang Melayu (bunyi burung berkicau) berada di dalam sektor kerajaan ataupun sektor pertanian. Mana orang melayu yang berpendidikan duduk dalam sektor kerajaan mana orang Melayu yang mempunyai pendidikan yang rendah atau tiada mendapat pendidikan duduk dalam sektor pertanian. Manakala orang Cina duduk dalam sektor ekonomi dan pertanian itu terdapat keberadaan orang Cina yang kita boleh tengok [lihat] sampai sekarang berada di kawasan pekan, bandar besar dan kebanyakan diorang mengusahakan apa perniagaan lah. selain daripada pertanian mereka – itupun mereka buat perniagaan. Manakla kaum India yang orang Inggeris bawa ke sini kebanyakan mereka letak di ladang-ladang dan jenis (bunyi letupan kecil) apa yang dikata dalam konsep pertanian ladang diperkenalkan kalau ikutkan ladang pertama yang konsep pertanian ladang yang pertama yang saya ketahui dibuka pada tahun 1900 yang apa tu ladang sawit di Selangor. Jadi untuk dalam daerah Segamat di Buloh Kasap ladang yang pertama terbuka ialah ladang Sungai Muar River, Tambang Batu Anam semua dibuka pada tahun 1907 dimana ia dia dimiliki oleh Syarikat Harrison and Crosfield [Harrisons and Crosfield] lain-lain ladang yang terdapat di Segamat di miliki oleh Sime Darby Plantation, Guthrie Plantation serta milik-milikan apa-- individu iaitu usahawan-usahawan Cina apa taiku-taikun [ahli perniagaan yang kaya

raya] Cina besar. Jadi seperti Buloh Kasap Estate, Sin Hai Estate itu pemilikan apa taikun-taikun [ahli perniagaan yang kaya raya] Cina. Konsep pertanian ladang ni mereka membawa buruh-buruh daripada India (bunyi angin) selain itu daripada buruh-buruh tempatan juga mereka ada. Jadi setiap ladang (bunyi lori) mereka mempunyai sistem pengurusan sendiri di mana ladang ni [ini] memberi selain apa memberi pekerjaan (bunyi lori) mereka ada kena [perlu] bagi khidmat sosial seperti ada pendidikan, ibadat seperti ladang-ladang ada buat masjid atau kuil serta apa ni kesihatan ada klinik dan hospital kecil di ladang.

**NAA: Baiklah kita akan berpindah kepada soalan yang seterusnya, boleh encik kongsiikan apakah konsep bangunan dan pembinaan yang diamalkan British?**

MSA: Konsep pembinaan bangunan waktu era Inggeris [1914] adalah standard [setaraf] bagi seluruh bangunan-bangunan kerajaan di negeri Melayu. Kualiti kejuruteraan mereka adalah kualiti Inggeris yang dibawa dari sana [British] di mana kualiti itu mempengaruhi [mempengaruhi] ketahanan bangunan-bangunan tersebut yang kita boleh tengok sekarang contoh yang terdekat Pondok Polis Buloh Kasap tu [itu] pondok kayu tu [sambil menunjukkan kearah suatu tempat]. Pondok tu [itu] dibuat saya pun tak [tidak] pasti lah dibuat semula atau apa tapi tahun 1930-an memang dah ada dan lihat boleh kita tengok [lihat] contoh dia masih tahan sampai kini (burung berkicau) itu bangunan kayu, kalau bangunan batu pulak kita boleh lihat di bandar Segamat itu majlis apa-- bangunan lama Majlis Daerah Segamat [kini dikenali sebagai Majlis Perbandaran Segamat] masih utuh sampai sekarang. \_ saya pun tak tahu apa nama style [gaya] pembinaan dia tapi itulah standard [taraf] pembangunan apa bangunan yang dibuat oleh Inggeris pada waktu itu.

**NAA: Baiklah, bagaimana pula dengan pegawai yang memerintah pada ketika itu?**

MSA: Segamat tidak diperintah oleh tentera jadi konsep pentadbiran Segamat khususnya dan Johor amnya adalah konsep pentadbiran awam di mana sebelum Inggeris datang, Segamat mempunyai pegawai yang-- dikenali

sebagai pesuruhjaya negeri iaitu dulu Segamat dikira negeri kan, pesuruhjaya negeri sebelum-- sehingga selepas kedatangan Inggeris, pesuruhjaya negeri ini distrukturkan dan diberi nama jawatan sebagai Pegawai Daerah-- Segamat. Jadi Pegawai Daerah Segamat jawatan tu dia juga adalah Pegawai Pejabat Tanah dan Galian itu satu perkhidmatan apa negeri Johor sendiri, jadi jawatan tu [itu] masih wujud sampai sekarang (bunyi lori). Apa lagi ah--? (meminta kepastian penemubual)

**NAA: Tentang pegawai British, ada ke [adakah] yang ditempatkan di daerah Segamat?**

MSA: Ok [okey], pegawai daerah Segamat \_ kebanyakan \_ daripada awal sampai kini adalah orang Melayu ada beberapa orang Inggeris tak [tidak] silap saya dua atau tiga orang lain-lainnya semua orang Melayu. Tapi pegawai jurutera kebanyakannya adalah orang Inggeris termasuk juga ketua jawatan lain seperti ketua jawatan hospital (bunyi angin), ketua jawatan kesihatan, ketua polis daerah ada jugak orang Inggeris yang duduk apa dalam jawatan Polis tersebut kerana ketidakberadaan orang tempatan yang mempunyai kelayakan akademik yang setaraf untuk (bunyi angin) atau latihan (bunyi angin) untuk menduduki jawatan tersebut.

**NAA: Baiklah, kita akan berpindah kepada soalan yang seterusnya berkaitan dengan Battle of Muar, British dan Jepun, boleh encik beritahu saya bilakah Battle of Muar berlaku?**

MSA: OK [okey], ni soalan yang memang saya sukalah (sambil ketawa). Ok [okey] Battle of Muar atau pertempuran-- Muar adalah pertempuran utama terakhir dalam kempen Tanah Melayu [Malaysia] bukan kempen Singapura. Jadi ia bermula pada 14 Januari sehingga 22 Januari 1942 (bunyi motorsikal). Dinamakan sebagai pertempuran Muar bukan kerana—(gangguan) eh aduh (sambil ketawa) minta maaf, dinamakan pertempuran Muar bukan kerana ia pertempuran itu berlaku di Bandar Muar (membetulkan posisi duduk) tapi pertempuran itu berlaku di sepanjang Sungai Muar dari \_ ke hilir ke hulu dan lembangan Sungai Muar. Jadi pertempuran pertama Sungai Muar berlaku



di Sungai Gemenchah [Gemmas, Negeri Sembilan] iaitu sekarang bertempat penempatan Felda Sungai Kelamah [Gemmas, Negeri Sembilan] sekarang. Jadi itulah pertempuran Muar yang pertama iaitu pada 14 Januari 1942 dan tamat di Jambatan Parit Sulong [Batu Pahat, Johor] pada 22 Januari 1942.

**NAA: Baiklah, apakah alatan perang atau pakaian yang digunakan oleh kedua-dua tentera pada ketika itu dan apa yang berlaku?**

MSA: Ok [okey] pakaian perang yang diguna oleh tentera Berikat sebenarnya bukan tentera British sebab ia melibatkan tentera British, tentera British-India, tentera Australia dan Briged Malaya jadi bukan tentera British keseluruhannya ada berbeza-beza pasukan dalam tu. Ok [okey] pakaian yang dipakai semua adalah standard [taraf] uniform tentera British pada waktu itu dikatakan uniform standard [taraf] type [jenis] tiga lapan, itu apa maksudnya uniform itu dibuat pattern [corak] tiga lapan dibuat pada tahun 1938 dan itulah standard pakaian uniform tentera British pada waktu itu. Untuk alatan-- perang yang digunakan oleh tentera British—ada kapal perang yang besar, kapal perang antara Battle Ship [kapal perang] seperti HMS Prince [HMS Prince of Wales] dan HMS Repulse, kapal-- perang kecil seperti Frigate, Covette semua. Lepastu untuk kelengkapan tentera udara mereka mempunyai beberapa dua jenis pesawat pejuang dan \_\_\_ pesawat penghubung. Untuk tentera berikat ini, untuk pertahanan Tanah Melayu [Malaysia] tentera laut British mengawal-- apa Tanah Melayu [Malaysia]. Untuk pertahanan udara (bunyi lori) ia ada pelbagai pasukan dalam tu iaitu tentera apa RAF [Royal Air Force of United Kingdom] iaitu Tentera Udara Diraja iaitu merujuk kepada British sendiri, Tentera Udara Diraja Australia atau Royal Australian Air Force [RAAF], Royal New Zealand Air Force [RNZAF] Tentera Udara New Zealand (sambal menyelak kertas) serta tentera KNIL [The Royal Netherlands East Indies Army] apa tentera udara-- India Timur Belanda. Pasukan ini dipertanggungjawabkan untuk melindungi Tanah Melayu [Malaysia]. Malangnya sekali, kelengkapan (bunyi angin) persenjataan untuk tentera udara pihak berikat ini tidak dapat menandingi mana-mana\_ tidak dapat menandingi dengan-- pesawat pejuang Angkatan Udara Jepun. Di sini saya jelaskan (bunyi angin) untuk angkatan udara Jepun yang datang sini adalah pasukan udara bagi Angkatan Darat Tentera Jepun bukan Tentera Udara Diraja Jepun (bunyi motorsikal). (bunyi motorsikal) Jadi untuk kelengkapan tentera darat, British tidak ada kereta kebal,

mereka ada kereta perisai dan serta kereta yang mempunyai perisai kereta perisai kecil yang—dikenali sebagai \_\_\_ itulah kereta yang paling banyak dan terkenal di British. Lain-lainnya seperti mereka mempunyai kelengkapan meriam apa semua dan pasukan tentera yang ramai. Pasukan tentera ni terdiri daripada yang saya jelaskan tadi pasukan tentera dari pasukan tentera British Army, Tentera Darat British, Tentera Darat British-India, Tentera Darat Australia dan Briged Malaya iaitu tentera dari Johor Military Force iaitu Tentera Timbalan Setia Negeri, tentera-- pasukan tentera sukarelawan negeri-negeri Melayu Bersekutu, pasukan tentera negeri-- pasukan tentera sukarelawan Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan pasukan tentera-- pasukan sukarelawan tentera Negeri-Negeri Selat. Jadi ada pecahan di situ, jadi diorang [mereka] gabungkan sebagai Malayan Briged. Jadi Malayan Briged ni sebenarnya tidak cukup kekuatan dia pun tidak sampai sepuluh ribu orang pun jadi untuk beri memberi imbalan atau pengaruh besar ialah kehadiran tentera daripada (bunyi motorsikal) Australia, India dan British. Kekuatan tentera Berikat ini keseluruhannya adalah seratus dua puluh ribu orang berbanding dengan kekuatan Jepun yang menyerang seramai empat puluh lima ribu orang.

**NAA: Gaimana [bagaimana] pula British mengekang kemaraan Jepun (bunyi lori)?**

MSA: British mengamalkan konsep undur dan musnah di mana (bunyi kertas diselak) mereka tau jika mereka tidak dapat mempertahankan tidak dapat mempertahankan atau tidak dapat menahan asakan musuh (bunyi lori) jadi mereka akan undur (bunyi peranti bergerak) dan musnahkan segala kelengkapan (bunyi angin) dan infrastruktur yang ada. Mereka akan putus kabel telefon, rosakkan jalan kereta api, runtuhkan jambatan seperti di sini kita boleh tengok jambatan putus (sambal menunjukkan kearah jambatan putus Buloh Kasap) adalah perbuatan British tu sendiri bukan perbuatan Jepun. Kalau kita pikir [fikir] kenapa Jepun nak [hendak] bom jambatan, diaorang [mereka] nak [hendak] guna jambatan tu. Jadi British letupkan jambatan untuk melambatkan kemaraan tentera Jepun. Tapi tentera Jepun ni [ini] bukannya bodoh, diorang [mereka] datang dengan jurutera mereka sendiri, dalam satu hari jambatan tu [itu] boleh digunakan. Diorang [mereka] letak apa mereka dah ada pasukan yang bawak kayu-kayu yang mereka rompak mana kilang papan yang ada dekat sepanjang jalan ni. Diorang [mereka] sampai jambatan tu rosak

diorang [mereka] letak kayu letak-- sangga [penahan] semua jurutera mereka buat dengan cepat janji kete [kereta] boleh lalu kereta kebal boleh lalu lori boleh lalu dan tentunya askar berjalan kaki mereka dah pergi dululah mengejar musuh yang belakang-belakang ni lori, kereta kebal yang akan pergi dulu. Malangnya bagi British (bunyi motorsikal) untuk pertahanan darat mereka tiada kereta kebal dan di situlah kesilapan dia mereka menjadi apa mangsa kepada tentera Jepun yang mempunyai kereta kebal yang banyak (sambal ketawa kecil) dan mereka tidak dapat mengekang kemaraan Jepun yang mana Jepun dapat menguasai Tanah Melayu [Malaysia] selama empat puluh lima hari tak silap saya.

**NAA: Adakah encik sudah selesai dengan perkongsian kisah Jambatan Putus atau encik ada tambahan lain?**

MSA: (berfikir sejenak) Kisah Jambatan Putus. Ok [okey], jambatan putus atau Jambatan Buloh Kasap [Segamat] ni dibuat adalah sebahagian daripada program projek jalan raya nombor satu persekutuan yang melintang daripada Utara-Selatan daripada Bukit Kayu Hitam [Kubang Pasu, Kedah] bersempadan dengan Changlun iaitu Thailand (*sic*, Changlun, Kubang Pasu, Kedah) sehingga ke Johor Bahru iaitu bertemu dengan Tambak Johor di Selatan. Projek dikatakan jambatan ini siap pada tahun 1927. Untuk jambatan putus ini ia adalah jambatan yang dibina (bunyi burung berkicau) secara konkrit dan moden pada waktu itu [1927] dan jambatan yang terpanjang dalam negeri Johor jadi ia agak terkenal lah. Selain daripada jambatan putus \_\_ jambatan dia paling panjang dalam negeri Johor dah takde jambatan paling panjang sekali yang melintas sungai dalam negeri Johor, jambatan kereta api Buloh Kasap juga adalah jambatan kereta api yang terpanjang juga dalam negeri Johor. Tapi sekarang kita tak boleh tengok [lihat] kesan tu [itu] lagi sebab jambatan tu [itu] sudah dimusnahkan sudah di-- dileraikan dan digantikan dengan jambatan kereta api yang baru yang lebih tinggi. Ok [okey] untuk jambatan putus ni bermacam-macam cerita oranglah apa kita dengar kita boleh anggap sebagai apa nama penglipur lara [orang yang menghiburkan hati] lah sebab satu-- cerita ni kita dengar dalam pelbagai jambatan dalam negeri Johor. Kononnya bila jambatan siap nak [hendak] dirasmikan oleh jurutera dijemput Sultan Ibrahim-- Al-Masyur [Sultan Sir Ibrahim Al-Masyhur Ibni Al-Marhum

Sultan Sir Abu Bakar Al-Khalil Ibrahim Shah] pada waktu itu memerintah kononnya Sultan Ibrahim pun cuba-cuba try [cuba] lah dia [baginda] tepuk jambatan tu jambatan tu bergegar lepastu [selepas itu] jurutera terjun sungai bunuh diri. Ya itu semua cerita penglipur lara je lah [sahaja lah] yang kita anggap dongeng belaka lah apa sebagai penambah sedap cerita aje. Apa lagi jambatan putus ni pada-- . Ok [okey] jambatan putus ni [ini] diletupkan pada 17 Januari 1942 apabila Jepun sudah melintasi Gemas Baru dan mara ke sini [Segamat]. Di sini jambatan putus berlaku juga satu pertempuran (bunyi lori) kecil di mana (bunyi motorsikal) terdapat beberapa unit-- terdapat beberapa pasukan tentera yang digunakan untuk memperlakan kemaraan Jepun. Jepun yang datang sini adalah semuanya askar infantri [berperang dengan berjalan kaki] atau askar berjalan kaki. Mereka datang dari arah Batu Anam [Segamat] sampai di Batu Bakar atau dulu [dahulu] ada terdapat satu gate [pagar] kereta api Batu Bakar, askar Jepun berpecah dua, satu melalui jalan kereta api satu melalui jalan-- raya. Jadi kedua-dua pasukan ni telah bertempur di kedua-dua jambatan ni [Jambatan Putus dan Jambatan Kereta Api]. Pada apa-- bila Inggeris pasukan pihak Berikat tahu Jepun sudah sampai ke Batu Bakar mereka telah meletupkan jambatan tersebut sebab mereka tahu apa mereka dapat maklumat apa kereta kebal Jepun sudah lepas daripada Gemencheh [Negeri Sembilan] dan terdapat askar Jepun yang mara daripada Batu Anam [Segamat] daripada Jementah [Segamat] mereka telah meletupkan kedua-dua jambatan tersebut dan berlaku pertempuran. Pertempuran itu untuk bagi melengah-lengahkan atau melambatkan kemaraan askar Jepun sebab askar Jepun cuba melintas sungai ni dengan secara berenang atau menggunakan bot jadi berlakulah kematian sini dan kesan-kesan pertempuran tu kita boleh lihat pada dinding bangunan kedai di Pekan Buloh Kasap dan masih ada tuan punya kedai pun tak tampal sampai sekarang (sambil ketawa kecil) kita boleh lihat itu sebagai saksi bisu lah. Jambatan ni (menyelak kertas) dalam masa sehari dikatakan dalam masa dua puluh empat jam Jepun telah membaiki dan—memasang apa dan meyambungkan dengan struktur kayu supaya kenderaan tentera Jepun boleh terus mara kearah selatan. Jambatan ni selepas tamat perang jambatan ni diperbaiki dengan struktur kayu jugak sehinggalah jambatan baru iaitu jambatan konkrit yang baru dibina di sebelahnya dalam tahun 1962 tak silap saya lah. Enam puluh dua dan kemudian jambatan lama ni tidak digunakan dan struktur kayu pada jambatan tu dirobuhkan. Jambatan putus Buloh kasap ni sekarang menjadi tugu kira tugu hidup bagi daerah Segamat dan Buloh Kasap khususnya.

**NAA: Kita berpindah pula kepada soalan berkaitan dengan British meninggalkan Segamat. Pada tahun berapakah British mula meninggalkan Segamat dan apakah peristiwa yang boleh digambarkan pada ketika itu (bunyi kertas diselak)?**

MSA: Secara rasmi (bunyi peranti bergerak) kalau ikut secara rasmi Inggeris meninggalkan Segamat atau negeri Johor ni mungkin pada tahun 1957 lah sebab agi. Jadi, walaupun kita dah merdeka tahun lima puluh tujuh, masih ada lagi orang Inggeris dalam perkhidmatan negeri Johor perkhidmatan Tanah Melayu [Malaysia]. Kira British masih campur tangan atau mereka sekadar berkhidmat (meminta kepastian penemubual)?

**NAA: Campur tangan**

MSA: tak-- dia tak campur tangan, saya pon [juga] tak [tidak] pasti lah (ekspresi ketidakpastian). Ok [okey] kita-- secara umumnya Inggeris mula meninggalkan Segamat tahun 1957. Bila kemerdekaan Tanah Melayu [Malaysia] semua masyarakat tempatan amat sukalah, mereka \_ apa bersorak girang merdeka, merdeka apa tak di-gam-bar-- tergambar kan lah walaupun orang masa tu masih pakai surat khabar ataupun radio mereka boleh-- meng- - apa interpret [mentafsir] dia punya rasa merdeka tu daripada Inggeris pada tahun 1957 dan [bunyi bot] ada juga yang masih bercampur baur, benarkah Inggeris dah keluar daripada Johor amnya atau Segamat. Macam mana ni (eksperesi wajah) Inggeris dah keluar nanti komunis lah apa lah nanti lepastu macam-macam lah kan. Tapi majoriti rakyat Johor suka dan Inggeris secara rasmi keluar pada tahun 1957.

**NAA: (diam seketika) (bunyi lori) Selepas British meninggalkan Segamat apakah perubahan yang berlaku, adakah mengekalkan kemajuan atau ada perubahan berkaitan dengan semakin mundur dan sebagainya?**

MSA: Selepas penguduran Inggeris, Alhamdulillah kita tidak menjadi mundur lah kan. Masa berganti masa daripada dulu kita ada perkara yang asas dalam infrastruktur sekarang kita lebih maju daripada itulah. Tapi terima kasihlah kepada Inggeris ni kan, sebab mereka ni walau-- ialah mereka ni kita anggap penjajah dan ada kontranya mereka masuk Johor pada waktu itu (bunyi motorsikal), itulah kesannya seperti dah [sudah] mencabuli kedaulatan negeri. Tapi yang pro [kebaikan] nye mereka datang membawa kemajuan lah, kemajuan, pembangunan, teknologi ia lebih cepat. Kalau Inggeris tak [tidak] campur tangan pun kita boleh terima mungkin (bunyi lori) agak perlahan-lahan bila mereka masuk perkara yang saya sebut seperti kemajuan, teknologi apa semua tu lebih cepat dan benda tu boleh dibuat tanpa halangan. Begitu lah.

**NAA: Baiklah soalan terakhir bagi sesi ini, sebagai pe-nu-rup penutup tirai perbincangan, pada pandangan encik, apakah pengajaran utama yang perlu dihayati oleh generasi sekarang akibat daripada kesan penjajahan Biritish?**

MSA: (diam seketika) (menghela nafas) Kesan apa kemasukan Inggeris dalam-- negeri-- Tanah Melayu [Malaysia] amnya dan Johor khususnya [khususnya], cerita dia lebih kurang sama (bunyi burung berkicau). Mereka sebenarnya dijemput, mereka dijemput oleh pemerintah kita kononnya nak-- apa nak-- apa mengatasi masalah ini. Tapi [tetapi] mereka [pemerintah Johor] tersilap, mereka dijemput mereka datang tapi bukan \_ datang dengan percuma. Yelah dengan membawa-- pasukan dia [tentera Inggeris] dengan membawa orang-orang dia benda tu semua bukan \_ kena perlu bayar. Jadi bila pemerintah kita tidak mampu bayar secukupnya kesannya macam tulah [itu lah] mereka akan mintak [mintak] sikit-sikit\_ tak perlu tak de [tiada] bayar cash [tunai] tak pelah [tidak mengapa]. Macam tulah kita beli barang tak [tidak] cukup dengan ni dengan orang lain orang kata takpelah [tidak mengapalah] takpe [tidak apa] ada barang lain tak [tidak] kita tukar--macam tu [itu] lah [pengkisah menerangkan bahawa Inggeris tidak menerima balasan wang ringgit tetapi kedaulatan negeri Johor mula dicemari secara perlahan-lahan dengan niat untuk mengambil alih tampuk pemerintahan]. Jadi macam tulah [itulah] Inggeris masuk, sikit-sikit, ambil tanah ni-- last-last [akhirnya] semua tergadai. Jadi masyarakat sekarang, generasi sekarang kita perlu ingat kita kena perlu belajar sejarah ada orang tak nak [tidak mahu] belajar

sejarah, pemikiran mereka macam saya macam anggap pemikiran mereka terlalu pendek. Mereka-- belajar sejarah mereka benci penjajah tapi mereka tak nak [tidak mahu] belajar mengapa penjajah ni ada, kenapa penjajah ni datang mereka anggap penjajah ni datang terus--serang takde [tiada], (bunyi lori) penjajah ni pun dia bukannya bodoh dia takde [tiada] maksud saya yang Inggeris ni lah yang saya tahu dia tak kan [tidak akan] terus menyerang mereka akan cari sebab untuk mereka menyerang (sambal ketawa kecil). Jadi untuk jadi penyebab tu lah kadang-kadang kita nak salahkan siapa nak salahkan kita punya raja-raja atau sultan terdahululah mungkin mereka cerdik mereka nak perkenakan Inggeris last-last [akhirnya] Inggeris kenakan mereka balik. Yang last [akhir] yang kena teruk adalah rakyat sendiri. Jadi kita kena amik iktibar [pengajaran] yang kita ni tak [tidak] boleh percaya orang luar dan kita mesti bersatu padu bukannya kita saling bergaduh berebut kuasa lepastu bila kita berebut kuasa kita-- panggil orang luar pulak [pula] untuk tolong kita untuk melawan yang kuasa padahal sedara mara kita sendiri bukan orang lain pun sedarah sedaging [mempunyai pertalian darah] jugak. Jadi bila orang luar masuk akibatnya itulah, orang luar tu [itu] lagi cerdik daripada kita. Kita sangka kita cerdik, orang luar tu lagi cerdik daripada kita. Itu yang masalahnya.

**NAA: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai Perang dunia ke dua, Kedatangan British ke Segamat bersama Encik Mohd Syafie Bin Abd Latiff. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah perang di Segamat pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

**SESI 2:  
SERANGAN KOMUNIS DI SEGAMAT**



## **Sesi 2: Serangan Komunis di Segamat**

**NAN: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai Perang dunia ke-2, Serangan Komunis di Segamat. Bersama-sama kami ialah En Mohd Syafie Bin Abd Latif yang merupakan seorang pesara tentera udara diraja Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 Jun 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 11 pagi bertempat di Buloh Kasap, Segamat, Johor. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Afiqah binti Norlizam. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**NAN: Untuk kisah Komunis di Segamat, pada tahun berapakah Komunis mula bertapak di Segamat dan bagaimana suasana dan keadaan pada ketika itu.**

MSA: Bismillahirrahmanirrahim, (bunyi selakan kertas dan kasut) untuk soalan ini tahun berapakah Komunis mula bertapak di Segamat saya kurang pasti tapi saya boleh cerita serba sedikit sejarah penubuhan Komunis pa- atau Parti Komunis Malaya. Parti Komunis Malaya ditubuhkan di Bahau pada tahun 1930 oleh Parti Komunis Nanyang (bunyi kasut) atau Cina Selatan. (bunyi burung berkicau) yang merasmikan penubuhan Parti Komunis tersebut ialah Hồ Chí Minh iaitu bapa kemerdekaan Vietnam sekarang. Saya tidak tahu bila tarikh (gangguan bunyi) Komunis sudah mula masuk ke Tanah eh ke Segamat tapi dianggarkan bermula 1930 itu sudah ada apa -- dia punya ideologi dia sudah mula masuk ke masyarakat di sini terutamanya masyarakat Cina kerana parti komunis ni [ini] pada asalnya ditubuhkan di Pahang eh di Bahau, itu dihadiri oleh majoriti oleh masyarakat Cina yang rata-ratanya memang susah dan ada membawa ideologi tu [itu] datang daripada tanah Cina itu sendiri. Jadi, kita boleh katakan (bunyi burung berkicau) 1930 sudah mula Komunis datang ke Segamat. (bunyi burung berkicau) Suasana Komunis mula bermaharajalela secara terangnya secara - kita - saya pun -- kurang pasti pasal ini tapi kalau (bunyi burung berkicau) dalam di Johor, komunis mula menunjukkan taring semasa tahun-tahun terakhir pendudukan Jepun iaitu tahun 1945 (bunyi burung berkicau) lebih kurang gitu (begitu), komunis sudah mula menunjuk taring mereka (bunyi burung berkicau), mereka sudah mula memeras ugut orang kampung terutama kampung yang jauh daripada bandar contoh pedalaman, mereka menjadikan itu kawasan-kawasan mereka mendapat bekalan makanan dan perubatan daripada orang kampung tidak kira orang kampung tu [itu] orang Melayu, Cina atau India. Yang amat terkesan adalah orang Cina sendiri sebab bangsa mereka sendiri (bunyi lori). Melayu pun ada juga yang mengikuti sebab komunis ni [ini] bukan sebab mereka percaya pada ideologi, tapi mereka dak [tidak] selamat (bunyi burung berkicau) atau nak berjuang dengan

menggunakan senjata api pada waktu itu. Jadi, pada awal-awal tahun 1945 itu, kita kedengaran komunis bermaharajalela di daerah Segamat ini tidak kedengaran melainkan kita dengar kawasan yang agak pedalaman seperti Bukit Kepong ha itulah kira kawasan daerah Muar ataupun daerah Pagoh.

**NAN: Okey, pada encik Syafie, berapakah anggaran kalau encik Syafie tahu yang menyertai komunis tu (itu)?**

MSA: Anggaran yang menyertai komunis kita (pengkisah tersenyum) saya (NAN ketawa kecil) pun tidak tahu an [kan] sebab kita tidak tahu dia ini apa an [kan]

(bunyi kasut)

**NAN: Okey, kita ke soalan yang seterusnya. Dimanakah lokasi permulaan komunis menyerang?**

(bunyi burung berkicau)

MSA: Untuk di daerah Segamat, pihak komunis ini melalui sayap bersenjata mereka bukan (bunyi kertas) parti itu sendiri, sayap bersenjata bagi parti komunis malaya ini sudah mula menyerang di Batu Pahat iaitu dimana berlaku pertembungan. Sebenarnya ia lebih kepada pertembungan perkauman iaitu antara kaum Cina dengan Melayu (bunyi motosikal). Asalnya, (bunyi burung berkicau) komunis dengan orang Melayu tapi kesudahan dia menjadi pertembungan kaum iaitu Melayu dengan Cina. Jadi, kalau dekat daerah Segamat itu saya tidak pernah dengar lagi lah. Jadi, kalau selepas Perang Dunia Kedua, berlaku serangan-serangan kecil terhadap rumah pasong (bunyi burung berkicau) tapi tidak berapa berjaya melainkan yang paling teruk sekali rumah pasong Bukit Kepong ah dimana kita dapat tahu lebih 20 anggota polis Bukit Kepong terbunuh di sana.

(bunyi burung berkicauan)

**NAN: Jadi, pada ketika itu, komunis tu (itu) ada macam pakai uniform seragam dia sendiri ke (bunyi burung berkicau) lepastu [selepas itu], ada tak [tidak] slogan yang mereka gunakan (pengkisah pada ketika itu)?**

(bunyi burung berkicauan)

MSA: Perang dunia ke-2 1945, guerillas [gerila] Parti Komunis Malaya mempergunakan satu nama iaitu MPAJA (Malayan People Anti-Japanese Army) (bunyi lori) sebagai sayap bersenjata mereka. Jadi, pakaian mereka, mereka dapat daripada uniform-uniform tentera British (gangguan bunyi kenderaan) serta pakaian

yang dijahit oleh mereka sendiri dan identiti mereka ialah pada topi mereka. Topi mereka berbentuk bucu - topi berbucu lima dan mempunyai bintang tiga iaitu lambang MPAJA. Ha bila bermula tahun 1948, MPAJA telah bertukar nama menjadi Malayan Races Liberation Army lah, Malayan People Anti-British Army macam-macam nama, mereka telah bertukar daripada bintang tiga itu kepada satu bintang. Bintang dia berwarna merah. Itu. Topi dia mengekalkan identiti topi komunis seluruh dunia topi berbucu lima. Jadi, uniform mereka yang asalnya adalah warna Khaki ataupun uniform yang mereka rampas daripada -- daripada pasukan keselamatan yang mati terbunuh pada waktu itu, mereka guna balik ah ataupun uniform elok ataupun uniform yang mereka jahit sendiri (bunyi lori). Jadi, kebanyakannya pada awal kewujudan mereka, uniform mereka adalah warna Khaki seperti warna kuning padang pasir kemudian uniform mereka bertukar menjadi Olive Green, warna hijau...hijau zaitun.

**NAN: (bunyi burung berkicau) Time tu [waktu itu] ada tak [tidak] guna macam senjata-senjata tersendiri ke dan ada tak [tidak] darurat berlaku ketika mereka komunis menyerang?**

MSA: Okey, (bunyi kertas) saya tertinggal tadi slogan ya (NAN mencelah "ha slogan") slogan yang komunis guna waktu itu adalah (bunyi kertas) tak silap saya "Malaya untuk Malaya". Jadi, dia punya slogan dia adalah propaganda lah sebenarnya slogan itu lebih kepada untuk mereka ya iaitu apa mereka nak menubuhkan pasakan apa negara komunis sendiri di Tanah Melayu. Itu sahaja. Jadi persenjataan mereka - persenjataan mereka adalah senjata yang mereka dapat semasa Perang Dunia Kedua iaitu senjata yang digunakan oleh pihak briged mereka untuk menentang Jepun dan selepas tamat perang, mereka memulangkan senjata-senjata yang rosak. Senjata yang elok mereka tidak pulangkan dan selepas tamat perang, mereka mengusahakan mendapatkan senjata melalui penyeludupan (bunyi lori). Walaubagaimanapun, penyeludupan senjata tidak -- tidak berapa cemerlang lah sebab kawalan ketat oleh British terhadap sempadan dan laut. Jadi, mereka mendapatkan dengan lebih cepat iaitu dengan menyerang pasukan-pasukan keselamatan seperti tentera ataupun polis (bunyi lori) terutamanya rumah-rumah pasong atau balai polis yang agak terpinggir dan atau yang begitu di kawasan pedalaman yang terdiri jauh daripada pasukan keselamatan yang besar (bunyi angin) yang lain. Selalunya, mereka serang rumah pasong yang mereka kira mempunyai pertahanan yang lemah dan pasukan polisnya agak sikit [sedikit]. (bunyi lori) ada berlaku yang kita tahu kejadian Bukit Kepong tahun 1950 (bunyi angin, burung berkicau dan selakan kertas) itulah yang berlaku di mana pasukan polis Bukit Kepong mempertahankan rumah pasong mereka bermati-matian. Ada yang ber - ada yang tidak berlaku ketika itu di mana pasukan polis terpaksa menyerah ah (lah) sebab

komunis tiba-tiba dah [sudah] ada dah [sudah] ambush [serang hendap] dah [sudah] jadi mereka tak [tidak] sempat nak buat apa. Jadi, serah senjata jelah [sahaja lah]. Tapi, anggota polis tidak dibunuh dan tidak di apa-apakan. Diberi nasihat lagi supaya menyertai pasu - apa komunis.

**NAN: Kalau darurat tu (itu)?**

MSA: Ha kalau darurat, darurat (bunyi angin) mula diisytiharkan pada tahun 1948 sehingga 1952 kita gelar darurat pertama. (bunyi selakan kertas) kejadian bermula darurat tu [itu] sebab pembunuhan peladang getah di Sg. Siput [Perak]. Peladang getah orang putih di Sungai Siput, Perak oleh 3 agen komunis yang datang pejabat tiba-tiba tembak mereka mati terus.

(Pengkisah dan penemubual mencelah dalam pada masa yang sama)

Jadi, kerana - kerana ditembak tiga orang putih tersebut, kerajaan yang memerintah tersebut terus isytihar darurat. Padahal sebelum itupun, memang telah berlaku apa pihak pemerintah itu British pada masa itu, memang telah buat operasi menangkap anasir-anasir subversif iaitu komunis tersebut (bunyi lori) tapi tidak sampai tahap sampai darurat, tapi ker - tiga orang tu [itu] mati dibunuh, (bunyi hon lori) terus darurat satu Tanah Melayu.

**NAN: Ada sebab ke kenapa dia dibunuh?**

MSA: Ya?

**NAN: Ada sebab ke kenapa dia dibunuh? \_\_**

MSA: Tidak tahu sebabnya saya pun tidak pasti sebabnya tapi mungkin apa berlaku rompakan nak merompak senjata api yang ada pada peladang getah dan wang ya apa wang - wang gaji pekerja zaman tu [itu] kita bayar apa bayar gaji pun secara manual jadi, (bunyi burung berkicau) itu mungkin penyebabnya dan bila berlaku kematian itulah penyebab sebagai penyebab pembunuhan darurat pertama iaitu 1948 sampai 1952.

**NAN: Kita beralih ke seterusnya, pasti ada peristiwa berdarah yang berlaku, jadi ramai tak yang terbunuh ketika komunis menyerang?**

MSA: Jumlah tak silap saya dalam data (bunyi selakan kertas) yang pernah saya baca yang saya ingat apa jumlah anggota keselamatan yang terbunuh semasa menentang komunis lebih kurang 4,000 orang tapi orang awam lebih ramai lagi mati lebih kurang dalam 6,000 orang mati ah [lah] di mana komunis ni [ini] menyerang kampung, dia

menyerang tidak kita -- tidak kira apa orang, bangsa atau apa -- apa mereka menyerang, membakar, sampai orang terbunuh. Kanak-kanak pun termasuk sekalilah. Mereka bukan menyerang apa pasukan keselamatan. Jadi, kalau diikutkan 6,000 orang awam dan 4,000 orang pasukan keselamatan, lebih kurang 10,000 orang lah begitu.

(bunyi burung berkicauan)

**NAN: Dia terus dibunuh ataupun komunis ada menggunakan apa-apa macam hukuman yang menakutkan mereka ke?**

MSA: Sebelum-sebelum ini, komunis menggunakan secara kekerasan iaitu menakutkan orang an [kan] (bunyi kertas). Jika kekerasan ni [ini] macam tidak berjalan, sebab orang awam pun takut dengan pasukan keselamatan juga dengan kerajaan. Jadi mereka melakukan kekerasan terus bunuh, bakar atau apa. Jadi, itulah cara mereka untuk menakutkan orang tempatan ah [lah]. Paling terkenal pembunuhan ah [lah].

**NAN: Boleh tak [tidak] encik Syafie kongsi kan like [seperti] peristiwa ngeri macam tadi ada yang terbakar, ada tanam hidup-hidup mungkin ada (bunyi kasut) beberapa kisah pasal yang terbakar tu [itu]? Disebabkan kenapa?**

MSA: Kalau secara spesifik lokasi di Segamat, peristiwa ngeri seperti rumah dibakar atau tanam hidup-hidup, saya pun tak berapa pasti tapi memang berlaku di seluruh daerah Segamat ah [lah] (bunyi lori). Tu [itu] adalah satu konsep mereka untuk menakutkan rakyat tempatan (bunyi kereta) jadi mana-mana rumah yang agak terpinggir dari jauh, mereka akan serang ah [lah]. Selepas Dasar Briggs iaitu Jeneral Briggs pada tahun 1950, menyisihkan komunis daripada masyarakat iaitu terutamanya masyarakat Cina. Mereka panggil semua masyarakat Cina ambil semua rampas apa -- duduk masyarakat Cina duduk di pekan-pekan dan membuat pagar serta kawalan. Jadi, peristiwa serangan terhadap rumah individu atau (bunyi kasut) kawasan penempatan tu [itu] kurang. Jadi, komunis menyasarkan kepada kawasan industri pula. Kawasan industri, kawasan infrastruktur seperti bangunan kera—(bunyi kertas) infrastruktur seperti keretapi ataupun balai polis. Jadi, mereka menyasarkan kawasan tersebut untuk mereka \_\_ lagi. Bagi mereka lebih mudah lah walaupun berisiko untuk menyerang orang tempatan agak sukar sebab kawasan banyak kawasan telah dijaga oleh pasukan pengawal kampung yang dikenali sebagai Home Guard ataupun polis bantuan menerusi dari polis.

**NAN: Okey, jadi adakah perlu apa-apa pergaduhan di antara orang tempatan dan penganas komunis ketika itu?**

MSA: Itu saya tidak pasti kalau di Segamat tapi berlaku pergaduhan orang tempatan yang saya tahu berlaku di Batu Pahat dan Muar iaitu (bunyi kereta) di mana masa itu masih dihujung-hujung adalah dihujung-hujung zaman pentadbiran Jepun di Tanah Melayu di mana orang tempatan terdiri (bunyi selakan kertas) dari kaum Banjar, Melayu dan Jawa telah bangkit menentang komunis di Batu Pahat. Mereka dipimpin (bunyi kasut) oleh seorang lelaki yang dipanggil Kiai Salleh -- Salleh apa orang panggil Kiai Salleh -- Salleh Hitam ha dialah seorang apa berketurunan Banjar apa menentang komunis pada waktu itu.

**NAN: Okey kita beralih ke seterusnya...soalan seterusnya. Adakah orang tempatan menyerah kalah atau menjadi tali barut ha untuk menyelamatkan diri mereka sendiri. Ada apa-apa cara?**

MSA: Memang ada. Ada orang tempatan yang menyerah kalah, melarikan diri pun ada atau menjadi tali barut pada komunis memang ada walaupun orang Melayu, orang Cina atau orang India itu sendiri memang ad -- kalau di Buloh Kasap ni [ini] (gangguan bunyi kenderaan), saya tidak tahu ah [lah] sebab tiada pula yang diceritakan kepada saya (NAN ketawa kecil) yang orang ni [ini] dulu bapa dia komunis, orang ni [ini] atuk dia takda [tidak ada] pula orang cerita. Itu jalah [sahaja lah]. Tapi, memang ada. Contoh dia, peristiwa Bukit Kepong tu [itu] antara ketua komunis yang menyerang adalah Mat Indera ha Muhammad Indera. Dia adalah satu ketua komunis di Muar yang menyertai dalam serangan Bukit Kepong tersebut. (bunyi lori)

**NAN: Okey, dimanakah lokasi orang tempatan yang banyak menyem - menyembunyikan diri dan siapakah ketika itu jadi ketua kepada orang Melayu untuk berhadapan dengan komunis?**

(bunyi selakan kertas)

MSA: Sebelum apa sebelum apa kampung dan penempatan di pagar (bunyi motosikal), orang tempatan terpaksa sembunyi -- menyembunyikan diri dalam (bunyi motosikal melintasi) hutan atau dalam semak belakang rumah mereka lah jika rasa jika rasa mereka tidak selamat. Kalau duduk di rumah, berkemungkinan komunis akan pecah pintu rumah ataupun bakar rumah. Jadi, mereka menyorok di belakang rumah. Selalunya di kawasan yang berhampiran dengan rumah mereka ah [lah] di dalam kawasan yang semak. Ketua orang Melayu yang berhadapan dengan komunis di sini ialah selalunya adalah daripada ketua-ketua kampung atau penghulu-penghulu

kampung. Kalau di Buloh Kasap, zaman itu ialah Penghulu Abdullah lah yang saya tahu. Penghulu Abdullah bin apa ah [lah] saya pun dah [sudah] lupa dah [sudah]. Nanti saya dapatkan nama dia penuh.

**NAN: (selakan kertas) Selain daripada menyembunyikan diri, ada tak [tidak] (kerusi bergerak) cara lain untuk mereka orang tempatan untuk menyelamatkan diri daripada segala pertempuran yang berlaku?**

MSA: Selalu nak menyelamatkan diri dalam pertempuran ni [ini], (MSA ketawa kecil) (NAN mencelah "mustahil lah") misal kata setengah nak berlaku bertempur, mereka duduk tengah-tengah, memang takleh [tidak boleh] nak selamat dirilah. Selalunya harapkan mereka menyoroklah sampai pertempuran tu [itu] habis dan berharap kepada komunis itu tidak membunuh mereka. (bunyi burung berkicau) Itu jelah [sahaja lah] selalu kalau dalam pertempuran tu susah nak menyelamatkan diri.

**NAN: Okey, kemudian kaedah menyekat kemaraan komunis oleh pihak berkuasa, bagaimana pihak berkuasa tu mengawal rusuhan tersebut?**

(bunyi burung berkicau)

MSA: Okey, pada awal-awalnya komunis ni [ini] sebelum perang dunia, mereka membuat rusuhan dalam Kesatuan Buruh \_\_ mereka mempengaruhi Kesatuan Buruh yang majoriti kaum Cina. Jadi, mereka menuntut jalah [sahaja lah] komunis ni (ini) dia lebih kepada sosialisme. Mereka menuntut kenaikan gaji lah, keadilan itu, keadilan ini lah semua demi politik. Jadi, mereka mempengaruhi Kesatuan Buruh untuk membuat rusuhan ataupun dipanggil \_\_. Jadi, pihak berkuasa yang mengawal rusuhan ni selalunya polis lah. Polis jadi polis dihantar seperti pasukan polis \_ dengan cota dia tu lah [itu lah]. Lebih-lebihnya, polis juga menghantar dia punya pasukan perkhidmatan khas apa cawangan khas mereka ke dalam Kesatuan Buruh ataupun dalam komunis ni [ini] untuk -- untuk menyelusuk masuk, bergaul dengan mereka dan menjadi seperti mereka untuk menyiasat apa yang berlaku kepada mereka tapi pada awal-awal sebelum pada 1940, sebelum 1940, komunis tidak begitu agresif. (bunyi selakan kertas) mereka hanya kecoh-kecoh secara politik, ataupun dalam Kesatuan Buruh. Bila selepas Perang Dunia ke-2 tu [itu], komunis betul-betul tunjuk taring ah [lah]. Mereka bukan setakat apa merusuh-rusuh, mereka dah [sudah] sampai menyerang orang kampung ah [lah] dan di sini lah apa polis melalui cawangan khas mereka menggunakan apa yang tu [itu] apa tu [itu] menggunakan apa tu [itu] untuk mengekang kemaraan mereka menangkap subjek-subjek iaitu orang yang terlibat, orang yang disyaki sebagai -- ahli komunis dan -- jika ada ber-- dan jika mereka mendapat

maklumat jikalau kawasan itu akan diserang, mereka akan hantar pasukan untuk menghalang komunis ini untuk bertindak.

**NAN: Okey, (bunyi kasut) siapakah ketika itu yang mengetuai pasukan polis ataupun pihak berkuasa dan apakah alatan yang mereka gunakan untuk mengekang kemaraan komunis?**

MSA: Pasukan polis pada ketika itu dipimpin oleh orang Inggeris ah [lah] waktu itu. Jadi, selepas -- selepas perang, pasukan polis semua tidak bersifat kenegerian, semua di bawah persekutuan. Jadi, jadi mereka di satu kan dalam satu kesatuan iaitu polis tanah Persekutuan Tanah Melayu. Jadi, ia dipimpin oleh orang Inggeris dan orang Inggeris ini mempunyai banyak apa daripada mereka itu banyak pengalaman perisikan jadi, ada yang mahir dalam risikan, mahir macam mana untuk Counterinsurgence maksudnya mengatasi masalah -- masalah keganasan dan bermain apa psikologi untuk memujuk atau melembutkan hati rakyat atau penyokong mereka. Alatan yang digunakan oleh pihak berkuasa waktu itu pun sudah moden. Setakat senjata api tu [itu] biasa. Tapi pihak berkuasa sudah menggunakan teknologi termoden pada waktu itu yang kita panggil peperangan elektronik atau electronic warfare di mana pihak berkuasa melalui cawang khas dia perisikan mereka itu menghantar apa signal [isyarat] radio apa lokasi radio dari mana mereka syak kedai apa kedai radio itu ada selalu didatangi oleh komunis. Jadi, komunis ni [ini] pun bukannya bodoh bila duduk dalam hutan tak [tidak] tahu apa, nak dapat maklumat tak [tidak] tahu apa jadi mereka dengar radio selalu mereka hantar radio ke mana waktu itu pihak berkuasa tahu dah [sudah] melalui cawang khas. Pihak apa pihak perisikan British menghantar transistor yang duduk dalam radio itu diletakkan di dalam radio yang milik komunis itu sendiri. Bila apa radio itu masuk dalam hutan, bila dipakai dalam hutan, mereka dah [sudah] tahu dah [sudah], kedudukan komunis di situ di mana melalui pe -- apa radio tersebut. Jadi, di situ mereka akan (bunyi angin) mengembom daripada udara ataupun dari darat. Jadi pada masa itu, sudah menggunakan teknologi yang tercanggih iaitu peperangan elektronik.

**NAN: umm kemudian, untuk lokasi dimanakah dijadikan sebagai tempat sekatan kemaraan komunis tu (itu)?**

(bunyi angin)

MSA: (bunyi burung berkicau) lokasi sekatan kemaraan komunis ni [ini], (bunyi angin) tidak silap saya, tidak ada spesifik. Dikira semua keseluruhan Tanah Melayu ah [lah] cuma cara pemerintah waktu itu, dia membersihkan kawasan itu daripada anasir ancaman komunis tu [itu] secara berperingkat di mana kawasan tu [itu] kalau



mempunyai ancaman yang tinggi dipanggil kawasan hitam atau Black Area. Bila kawasan tu [itu] sudah di berjaya dibersihkan daripada anasir komunis, bermakna mereka berjaya menghalau komunis tu (itu) atau grup pasukan komunis tu [itu] pergi ke tempat lain, kawasan tu [itu] diisytiharkan kawasan tanah putih contohnya Segamat. Segamat diisytiharkan kawasan putih pada tahun 1952. Jadi, orang tu saya diberitahu, dia ada cerita pengisytiharan hari kawasan putih tu [itu] dah [sudah] macam hari merdeka bukan main meriah lagi an [kan] ada mercun-mercun semua. (NAN ketawa kecil) Jadi, sebab takda [tiada], dah takda [sudah tiada] lagi apa itu sekatan (bunyi hon kereta) -- sekatan keluar pada pukul 6 petang pukul 6 malam, takda dah [tiada sudah] boleh keluar sepanjang masa lah.

**NAN: Okey untuk sejarah tinggalan komunis, ada tak [tidak] tapak atau lokasi peninggalan tapak rusuhan komunis tu [itu]?**

MSA: Di Segamat takda [tiada].

**NAN: Takda [tiada]. Kalau di daerah lain ke?**

MSA: Kalau dekat daerah lain, tu [itu] daerah Muar di Bukit Kepong. Itu adalah tapak dia lah yang ada. Kalau kita tanya lokasi rusuhan komunis di Segamat, memang takda [tiada] lah. Kubu dia pun takda [tiada].

**NAN: Okey kalau takda (tidak ada) tapak peninggalan, ada tak (tidak) bangunan ke atau kubu yang dibina oleh komunis?**

MSA: Juga takda [tiada].

(NAN mencelah "juga tiada")

**NAN: Kemudian kita beralih kepada ekonomi semasa lah (MSA mencelah "ha"), siapakah pemerintah pada ketika itu?**

MSA: (bunyi motosikal) (berfikir) ini pemerintah waktu bila ni [ini]? Khususnya? Selepas Perang Dunia Kedua ataupun apa? (bunyi selakan kertas)

**NAN: Ketika**

MSA: Ha masa darurat ya?

**NAN: Aah**

MSA: Okey. Kalau masa darurat (bunyi selakan kertas) pemerintah itu adalah kerajaan Tanah Melayu kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri iaitu sebenarnya (bunyi selakan kertas) kerajaan macam mana kerajaan Tanah Melayu yang masa tu [itu]

sebenarnya orang putih yang memerintah tapi bukan kerajaan koloni. Tapi, orang putih yang memerintah kerajaan Tanah Melayu itu.

(bunyi selakan kertas)

**NAN: Kemudian, ada tak [tidak] orang tempatan masih lagi keluar bekerja macam seperti biasa ketika serangan komunis tu [itu] berlaku?**

MSA: Bila kejadian serangan komunis berlaku, (bunyi selakan kertas) ataupun orang tempatan memang takutlah memang takkan [tidak akan] keluar pergi kerja (bunyi kertas). Jadi, ialah ada kematian apa semua kebakaran semua, masing-masing takut yang ada berkeluarga pun takut nak tinggalkan anak isteri. Jadi, agak menjejaskan lah apa tu [itu] ekonomi setempat lah. Kedai tak [tidak] buka apa semua. Ada serangan, tutup kedai semua. Orang nak keluar pergi beli barang takut, orang nak jual barang pun takut. Jadi, kalau ada serangan -- tidak amanlah waktu-waktu itu.

**NAN: Kemudian, bagaimana orang tempatan ketika itu mendapatkan bantuan untuk memajukan sektor ekonomi mereka dan ada tak [tidak] terdapat sebarang halangan daripada mana-mana pihak ketika itu?**

(bunyi burung berkicau)

MSA: Itu apa cara kerajaan Tanah Melayu pada waktu itu, mereka lihat ancaman komunis ni [ini] sebenarnya membantutkan ekonomi setempat juga. (bunyi angin) (bunyi lori surat khabar lama) Jadi, untungnya takda [tiada], rugi ada. Untuk mencegah dan membasmi komunis di Tanah Melayu pada waktu itu, sebenarnya adalah satu kerugian besar bagi kerajaan dan mengeluarkan modal – mengeluarkan -- menggunakan kewangan yang terlalu banyak pada waktu itu lah. Kalau kita kira pada waktu itu pun, modal belanja sudah makan Billion, kalau kita kira sekarang dengan nilai duit waktu itu dengan nilai sekarang mungkin dah [sudah] (bunyi motosikal) lebih berganda-ganda lah nilainya. Jadi, itulah apa itu bila kerajaan mengiisytihar kawasan putih kawasan apa kawasan-kawasan putih jadi, ekonomi setempat menjadi rancak. Jadi, itulah yang bantuan daripada kerajaan untuk rakyat. Jadi, itu rakyat amat berterima kasih kepada kerajaan pada waktu itulah, (bunyi angin) mereka rasa selamat sebab kerajaan bantu mereka.

(bunyi angin)

**NAN: Untuk serangan akhir komunis ni [ini], apakah yang menyebabkan komunis semakin berundur ke belakang?**

MSA: Komunis berundur ke belakang sebab mereka sebenarnya berjaya disekat oleh kerajaan. Lagi satu apa propaganda kerajaan itu pun (bunyi selakan kertas) kuat di mana propaganda kerajaan bukan setakat bunyi saja ah [sahaja lah] maksud bukan setakat yang kita boleh lihat pada imej media massa kan seperti iklan, radio ataupun TV jika ada lah masa itu - belum ada kan. Tapi daripada ikhtiar daripada kerajaan tu [itu] membantu mereka dan memujuk di mana mereka memujuk komunis yang (bunyi motosikal melintasi) dalam hutan tu [itu] keluar. Bila bawa keluar bawa senjata yang mereka ada. Bawa keluar contohnya bawa keluar senjata jika dapat bawa keluar Bren Gun mereka..komunis ni [ini] akan diberikan duit RM 1,000 pada waktu itu yang ketika ini amat besar nilainya dan jika mereka bawa itu keluar dan mereka kata mereka kata taknak [tidak mahu] menjadi komunis lagi (bunyi lori), mereka diberikan penempatan dan tanah. Ha jadi, sokongan komunis itu semakin berkurangan. Yang duduk dalam hutan itu jadi komunis kenapa kerajaan dah [sudah] sekat, mereka nak dapat bekalan makanan susah. Semuanya susah. Ada yang duduk lapar, duduk apa -- kalau duduk tunggu lama-lama mati (bunyi selakan kertas) kena tembak dengan askar dengan polis. Jadi, makin lama makin lama, mereka kekurangan anggota. Jadi, mereka berundur. Makin berundur -- kesudahannya mereka berundur ke Selatan Thailand sehingga tahun 1989 baru lah komunis mengisytiharkan genjatan senjata tapi mereka tidak mahu kalah. Mereka kata isytihar genjatan senjata mereka kata mereka meletakkan senjata dan mereka menyerah senjata mereka (bunyi lori) tapi ideologi mereka masih ada. Ha kalau kita pergi lihat -- selingan eh kalau kita pergi melawat di Selatan Thailand terutama di daerah Songkhla, Narathiwat, masih ada lagi perkampungan mereka di mana perkampungan itu asalnya adalah bekas kubu-kubu mereka di mana mereka ada terowong untuk pelarian. Mereka buat pemuziuman. Amat jelas ideologi komunis itu masih kuat pada mereka lagi tapi mereka sudah mengikut arus zaman takdalah [tiadalah] macam komunis an [kan] jadi takda [tiada] siapa nak layan mereka jadi komunis cuma ideologi pada mereka jadi mereka hidup seperti biasa ah [lah]. Boleh lawat tempat-tempat tu [itu] menarik juga lah. Saya pun mencadangkan lawatlah tempat tu (itu) contohnya Piyamit Tunnel, lagi satu apa nama saya pun dah [sudah] lupa dah [sudah] ada 2 3 tempat menarik lah.

**NAN: Okey, bagaimana reaksi orang tempatan ketika itu mengetahui yang serangan komunis pengganas komunis sudah berakhir? Adakah mereka menyambut macam besar-besaran ke?**

MSA: Macam yang saya kata tadi, antara yang ancaman atau serangan komunis berakhir di satu-satu tempat, kerajaan mengisytiharkan kawasan itu kawasan putih -- 1952 an [kan]. Jadi, saya beritahu tadi yang orang Segamat menyambutnya macam

menyambut Hari Kemerdekaan an [kan] bergembiralah mereka sebab komunis dah [sudah] takda [tiada]. Ha macam tulah [beginitulah]. lalah apa mereka dah [sudah] rasa kebebasan. Kalau tak [tidak] masa ada ancaman komunis, kawasan mereka tu [itu] kawasan hitam. Nak meniaga pun susah, apa susah, nak keluar malam pun -- pun dah [sudah] malam tu [itu] memang susah ah [lah] kalau tak kena tembak sama ada tembak komunis atau tembak askar atau tembak polis tu ah [itulah].

**NAN: Okey – okey, pada encik Syafie lah sendiri kan, ada tak [tidak] kisah-kisah atau peristiwa-peristiwa menarik tentang penganas komunis ni [ini] yang tak [tidak] ramai orang tahu ataupun patut sebenarnya orang tahu? (bunyi selakan kertas) Mungkin pada encik Syafie sendiri peristiwa tu [itu] menarik perhatian encik Syafie?**

(bunyi selakan kertas)

MSA: Pada pandangan saya, takda [tiada]. Sebab dari sudut pandangan saya, sebab dari keluarga saya ada sejarah hitam dari komunis an [kan] sebab pakcik saya pun mati dibunuh komunis. Pastu [selepas itu] daripada orang tua saya cerita dan orang yang pernah bercerita, dia kata hidup zaman komunis bukannya senang nak makan pun susah. Jadi, bagi saya, takda (tidak ada) apa menarik komunis ni [ini] menyusahkan ada lagi lah (NAN ketawa kecil) (bunyi selakan kertas) ha. Jadi kalau boleh kita -- tak [tidak] perlu lah nak menyokong itulah apa komunis ni lah kan nama komunis kita tengok macam mana kerajaan komunis yang betul-betul sekarang. Agak-agak apa kerajaan komunis yang betul sekarang yang ada di dunia ni [ini]?

**NAN: Korea?**

MSA: (NAN mencelah “Korea Utara) Korea Utara, betul. Ha itu betul-betul (NAN ketawa kecil) rakyat komunis utara. Betul-betul. Tapi itu lah, dia punya komunis utara -- komunis dia tu [itu] lain macam sangat lah kan tak macam seperti Vietnam, Laos ataupun China. China rendah lagi walaupun ideologi komunis tapi mereka -- mereka mempunyai dasar lain ha mereka ekonomi kapitalis. Seperti mereka ha mereka betul-betul dasar kuku besi ah [lah] komunis ni [ini] dasar kuku besi. Mereka betul-betul cengkam rakyat dia. Semua segala apa dalam negara mereka adalah pemilikan kerajaan. Semuanya milik kerajaan. Rakyatnya tiada apa. (NAN mencelah “okey”) mak -- kebulur pun ada (NA ketawa kecil). Ha propaganda kuat. (NA mencelah “okey”). Yang senang adalah pemimpin mereka.

**NAN: Kalau pada pandangan encik Syafie lagi, sekarang ni [ini] generasi pun makin [semakin] berubah, jadi agak-agak ada tak [tidak] anak-anak muda ni [ini] yang mungkin macam (bunyi angin) berminat ke dengan ideologi penganas komunis ni [ini] sebab**

**sekarang pun ha ya zaman berubah, (MSA mencelah “ha yelah) internet pun yelah [iya lah] kan banyak menunjukkan benda-benda macam tu [itu], pada encik syafie sendiri, rasa-rasanya ada tak [tidak] anak muda yang nak berfikiran seperti pengganas komunis tu [itu]?**

MSA: Pada pandangan saya, saya tengok adalah kalau kita tengok socmed (social media) tu (itu) ada yang (selakan kertas) menyokong komunis ni (ini) tapi mereka..tapi mereka tidak menyokong pengganas, mereka menyokong ideologi komunis (selakan kertas) sebab mereka terpengaruh dengan ideologi tu sebab komunis kata kesamarataan (suara dibelakang) semua rakyat. Ha itu yang mereka tertarik ke.sama.rataan ha. Tapi itu semua propaganda belaka macam mana nak sama rata an (kan). Ha itu nak dapat kesamarataan tu (itu) kita tengok bagaimana China masa menjadi negara komunis dahulu. Memang begitu susah lah. Jadi sekarang pun mereka dah (sudah) zaman berubah, mereka dah (sudah) berubah. Mereka dah (sudah) sekarang pun ekonomi mereka pun kapitalis ha cuma mereka masih mengamalkan politik saja (sahaja) apa communism (komunisme). Itu sahaja. Lagi apa..apa negara-negara Barat seperti Eropah seperti Russia (Rusia) dahulunya Soviet Union, Yugoslavia, semuanya Serbia, Yugoslavia, Poland, Jerman Barat semuanya dulu (dahulu) adalah negara komunis. Komunisme tu (itu) runtuh terus mereka sekarang mereka mengamalkan apa demokrasi sebenar. Tapi, kalau kita tengok pada Korea Utara, (selakan kertas) Korea Utara masih lagi mengamalkan komunis yang sepenuhnya lah dan mereka punya komunis tu (itu) (burung gagak) amat teruk. Apa bila kita tengok sekarang dengan keadaan sekarang amat teruk sebab macam memperhambakan rakyat dan propaganda dia begitu kuat. Lagi satu komunis yang ber.. yang paling teruk sekali ialah apabila Republic Kampuchea ha sekarang kita kenal Kemboja -- Kemboja. Republic Kampuchea itu berubah menjadi Republik Khmer di mana Pol Pot dengan propaganda komunisnya telah berjaya menguasai Republik Kampuchea itu tersebut. Jadi, apa yang dia kata kesamarataan apa semua tu (itu) tak (tidak) ada langsung. Negara itu menjadi aaa apa menjadi mundur terlalu mundur ke belakang berpuluh tahun. Dibunuhnya semua cerdik pandai apa ahli cerdik pandai, guru-guru semuanya sehingga rakyat menjadi terlalu bodoh sehingga sekarang Kemboja masih merangkak nak maju an (kan) sehingga kan (bunyi lori) negara Republik Khmer tu (itu) yang komunis itu dia sendiri diserang oleh republik komunis Vietnam ha kerana komunis Vietnam (burung berkicauan) sendiri pun tak (tidak) tahan dengan Kemboja itu. Jadi, Kemboja dibebaskan oleh (bunyi motosikal melintasi) komunis Vietnam. (NAN dan MSA ketawa kecil) (NA menarik nafas untuk bercakap tetapi dicelah)

Ideologi mereka komunis tapi tak [tidak] sama. Ha begitulah macam tu [itu] lah macam permainan politik komunis kita kata Thailand. Thailand Thailand dia ada parti (bunyi suara dibelakang) komunis Thai dia sendiri. Tapi, Thailand dia mengekang dan membasmi parti komunis Thai itu sendiri sehingga sekarang dia takda [tiada] parti komunis Thai. Tapi, dalam masa yang sama mereka tidak menghalang parti komunis Malaya yang beroperasi di selatan wilayah Thai. Jadi, kalau ada operasi yang ada pun, mereka selalu berlakon je [sahaja] kenapa an [kan] itu adalah politik Thailand sendiri. Thailand tak [tidak] mahu komunis negara dia tapi dia membiarkan komunis Parti Komunis Malaya bukan kerana Parti Komunis Malaya tu [itu] mengancam taknak [tidak mahu] Malaysia, tapi dia nak (selakan kertas) dia mempergunakan Parti Komunis Malaya itu untuk (bunyi selakan kertas dan kerusi bergerak) menghalang kebangkitan gerila-gerila pemisah di wilayah selatan Thai di negeri-negeri Melayu, Pattani, Narathiwat, Yala digunakan Parti Kom \_\_ apa PKM [Parti Komunis Malaya] tu [itu] di situ. Jadi, kita sendiri ingat lah apa jadi Thai sebenarnya pakar mempergunakan orang. Dia sama juga Thai mempergunakan Parti Komunis Pol Pot iaitu Komunis Kemboja untuk menghalang kemaraan parti apa komunis Vietnam itu. Thai takut pada Vietnam, Vietnam serang ke Thai, jadi mereka gunakan komunis Kemboja ini untuk sebagai buffer apa sebagai penghalang daripada Vietnam mara ke sempadan dia lagi ha itu. Jadi dia dalam masa Thai, dia bagi bantuan kepada Pol Pot ni [ini] tapi dia tak bagi Pol Pot ni [ini] masuk dalam tanah dia. Dia begitu. Dia sebenarnya mempergunakan Thai. Itu Thai. Thailand.

(bunyi selakan kertas)

**NAN: Okey kita dah (sudah) sampai ke soalan yang terakhir. Jadi, lagi sekali, apa pandangan encik Syafie, apakah pengajaran utama yang kita boleh hayati oleh generasi sekarang akibat daripada kesan serangan komunis ini?**

(MSA menarik nafas lalu menghembus)

MSA: Kesan serangan komunis ini atau kita berperanglah katakan, orang kata menang jadi arang, kalah jadi abu. Dua-dua rugi. Cuma yang paling rugi sekali kalahlah apa pun takda [tiada]. Jadi, kesan serangan itu, kalau kita rasa nak -- nak menyokong ideologi komunis ke ataupun kita kata nak menyokong apa kita ada masalah politik negara kita, kita panggil orang luar datang tolong kita ke, itu semuanya menyumbang masalah. Menyumbang masalah lepastu [selepas itu] mendatangkan apa kata persetujuan last-last [akhir] sekali peperangan. Bila berlaku peperangan ini, kita peperangan. Bila berlaku peperangan ini, kita negara kita ni [ini] jadi teruk ah [lah] bermasalah. Kita akan jadi miskin. Bila kita miskin, apa kita nak apa kita nak buat. Duit

takda [tiada) apa semua nak makan pakai apa takda [tiada) an [kan] kita taknak [tidak mahu] jadi kita punya apa pertubuhan ekonomi apa semua teknologi semua terencat (bunyi lori) miskin dah [sudah] takda [tiada]. Kita boleh tengok negara Kemboja sampai sekarang masih teruk lagi an [kan]. Itulah jadinya negara yang dialami kesan peperangan tu [itu] walaupun dah [sudah] 30 tahun berakhir tapi ia masih tak [tidak] hilang sampai sekarang. Jadi, diharapkan generasi sekarang termasuk saya sendiri tak [tidak] mahulah berlaku peperangan walaupun sekarang ini kita ada masalah dengan jiran-jiran serantau kita terutama China. China sekarang nak mengekalkan kekuasaan dan kehadiran dia di Laut Cina Selatan contohnya an [kan]. Jadi, sebagai negara kita, kita bukanlah jenis negara yang terlalu agresif an [kan]. Jadi, negara kita masih menggunakan tindakan diplomasi (bunyi selakan kertas dan kasut) jadi untuk menafikan kehadiran China tu [itu] walaupun China dah [sudah] hantar kapal dia kat [dekat] situ, China tu [itu] makna tak hantar perang, dia hantar kapal peronda, pengawal pantai dia. Jadi, kita pun hadir just [hanya] datang kapal perang kita ataupun kapal peronda pantai aaa peronda pengawal pantai untuk tunjuk diri kehadiran kita kat [dekat] situ. Kalau mereka beritahu sila keluar kita sila keluar ni wilayah perkuasaan apa China, kita selalu balas balik sila keluar ini wilayah apa jaja apa kawasan apa perairan Malaysia apa semua. Macam tulah [itulah] kita guna \_\_. Cakap-cakap je [sahaja] takkan [tidak akan] jadi perang, tapi kalau bila dah start [mula] tembak itu jadi peranglah. Selalunya, Malaysia tidak akan agresif (bunyi selakan kertas) macam itu. Sebab Malaysia kalau boleh tidak mahu apa ada peperangan lagi takda [tiada] negara mana yang mahu perang lagi walaupun Jepun. Jepun masih tentera yang kuat tapi dia pun tak mahu perang. Ha macam tulah [itulah] tapi kalau perang tu [itu] datang negara..ke tempat mereka, mereka sanggup berperang.

**NAN: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai Perang Dunia Kedua, Serangan Komunis di Segamat bersama En. Mohd Syafie Bin Abd Latiff. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah perang di Segamat pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

## **6. LOG TEMUBUAL**



**SESI 1:  
KEDATANGAN BRITISH DI SEGAMAT**

## Sesi 1: Kedatangan British di Segamat

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Encik Mohd Syafie Bin Abd Latiff, pesara Tentera Udara Diraja Malaysia mengenai Perang Dunia ke-2, Kedatangan British di Segamat.

Masa (Minit)	Deskripsi	Perkara
